

No. Rujukan : UTeM.100-1/3/5 (66)



**SURAT PEKELILING KEWANGAN
BILANGAN 4 TAHUN 2025**

**PINDAAN PROSES PEMBAYARAN ELAUN LEBIH
MASA (SMKBv4.0) UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA
MELAKA**

Pejabat Bendahari

5 Mei 2025

Disalinkan kepada :

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.100-1/3/5 (66)

5 Mei 2025

SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 4/2025

PINDAAN PROSES PEMBAYARAN ELAUN LEBIH MASA MELALUI (SMKBv4.0) UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan tentang Pindaan Proses Pembayaran Elaun Lebih Masa (SMKBv4.0) Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Sebagaimana maklum, bermula September 2024 Pejabat Bendahari telah melancarkan penggunaan Sistem Maklumat Kewangan yang baharu iaitu Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu Versi 4.0 (SMKBv4.0).
- 2.2 Berdasarkan kepada perubahan ini segala urusan berkaitan kewangan telah disistemkan bagi mempercepatkan dan melancarkan proses di peringkat PTJ dan Pejabat Bendahari.

3.0 PINDAAN PROSES PEMBAYARAN ELAUN LEBIH MASA (SMKBv4.0)

- 3.1 Bagi pelaksanaan kepada pindaan ini, staf adalah di mohon untuk membuat tuntutan elaun lebih masa bagi tempoh 1 Februari 2025 hingga 28 Februari 2025 untuk pembayaran gaji April 2025.
- 3.2 Bagi pembayaran gaji Mei 2025, bayaran merangkumi tuntutan elaun lebih masa yang dilakukan adalah bagi tempoh 1 Mac 2025 hingga 30 April 2025.

3.3 Mulai pembayaran gaji Jun 2025, pembayaran adalah bagi tuntutan elaun lebih masa yang dilakukan pada bulan Mei 2025.

4.0 TINDAKAN DAN PELAKSANAAN DI PERINGKAT PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) DAN STAF

4.1 Ringkasan butiran pindaan dan tindakan pelaksanaan sepertimana di **Lampiran 1**.

4.2 Bagi melancarkan pelaksanaan kepada perubahan ini, segala tuntutan elaun lebih masa hendaklah dimohon, disokong dan diluluskan melalui SMKbv4.0 pada modul elaun lebih masa **selewat-lewatnya pada 7hb bulan berikutnya**.

4.3 Bagi mana-mana tuntutan elaun lebih masa yang **lewat** dikemukakan atau melebihi/melangkau tempoh 3 bulan, tuntutan tersebut tidak akan diproses atau dibayar.

5.0 PEMAKAIAN

5.1 Surat Pekeliling Kewangan ini berkuatkuasa mulai **5 Mei 2025**.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menjalankan amanah,


SABARINA BINTI ABDULLAH
Bendahari
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

RINGKASAN TINDAKAN PELAKSANAAN DI PTj DAN STAF

BIL	BUTIRAN TUNTUTAN ELAUN LEBIH MASA	TINDAKAN	TARIKH PEMBAYARAN
1.	1 Februari 2025 hingga 28 Februari 2025	Permohonan hingga ke peringkat kelulusan dibuat selewat-lewatnya 10 April 2025	Gaji April 2025
2.	1 Mac 2025 hingga 31 Mac 2025	Permohonan hingga ke peringkat kelulusan dibuat selewat-lewatnya 7hb Mei 2025	Gaji Mei 2025
3.	1 April 2025 hingga 30 April 2025		
4.	1 Mei 2025 hingga 30 Mei 2025 dan bulan-bulan seterusnya	Permohonan hingga ke peringkat kelulusan dibuat selewat-lewatnya pada 7hb bulan berikutnya	Gaji Jun 2025 dan bulan-bulan seterusnya